

Dr M persoal Indonesia enggan terima tawaran

Malaysia sedia bantu bila-bila masa padam kebakaran hutan

Oleh Wan Faizal Ismayatim, Luqman Arif Abdul Karim dan Irwan Shafrizan Ismail bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia sepanjang masa bersedia menawarkan bantuan kepada Indonesia bagi memadamkan kebakaran hutan di negara itu, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, bagaimanapun tindakan Indonesia yang sehingga kini berdiam diri dengan tawaran bantuan dari Malaysia menimbulkan tandanya

“Saya tak tahu kenapa dan bukan saya untuk bertanya (kepada Indonesia), awak (wartawan) yang perlu tanya (Presiden Indonesia, Joko Widodo) kenapa tak mahu terima bantuan kita (Malaysia).”

“Kita ada pesawat pengebom air yang boleh digunakan (untuk operasi pemadaman kebakaran di Indonesia),” katanya kepada media selepas Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Siri 10 Bilangan 5 Tahun 2019 di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya kenapa Indonesia tidak menerima tawaran Malaysia untuk membantu memadamkan kebakaran hutan, walaupun kerajaan sebelum ini sudah mengemukakan tawaran kepada negara jiran terbabit.

Minggu lalu, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin memaklumkan Malaysia sedia membantu Indonesia memadamkan kebakaran hutan di Kalimantan dan Sumatera.

Dalam entri di akaun Face-

booknya, Bee Yin berkata, beliau mengadakan perjumpaan dengan Menteri Kaunselor Indonesia, Agus Badrul Jamal serta Kaunselor Informasi, Sosial dan Hal Ehwal Budaya Kedutaan Besar Republik Indonesia di Malaysia, Agung Cahaya Sumirat, bagi membincangkan isu berkenaan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, juga dilaporkan berkata Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sedia membantu memadamkan kebakaran hutan di Kalimantan dan Sumatera jika ada permintaan.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan sedang meneliti cadangan menggunakan dron bagi melakukan pembenihan awan, seterusnya menghasilkan hujan dalam usaha mengurangkan kesan jerebu.

“Kita boleh menggunakan beberapa dron untuk menghasilkan hujan tiruan, misalnya di sekitar Putrajaya iaitu antara kawasan teruk terjejas,” katanya.

Ditanya apa lagi usaha mengurangkan kesan jerebu, Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah melakukan pelbagai perkara, termasuk pembenihan awan dan mengagihkan topeng muka.

“(Selebihnya) Kita berdoa supaya hujan,” katanya.

Di **Kuala Lumpur**, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, kerajaan tidak menganggap jerebu yang melanda ketika ini angkara pembakaran terbuka di Indonesia sebagai ‘perang ekologi’.

Beliau berkata, sebaliknya ia hanya pendirian dikemukakan oleh PKR adalah sekadar mewakili peringkat pengurusan parti.

“Tidak, itu parti yang (putuskan),” katanya kepada pemberita selepas meluangkan masa mengedarkan topeng muka, di sekitar terminal KL Sentral, di sini, semalam.

Dr Wan Azizah tiba di perkarangan KL Sentral pada jam 2 petang mengedarkan 2,000 topeng muka jenis N95 kepada orang ramai bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap risiko jerebu.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Datuk Mohtar Mohd Abd Rahman.

Pengarah Komunikasi PKR, Fahmi Fadzil, menerusi kenyataan semalam menjelaskan mesyuarat biro politik parti mengambil pendirian fenomena jerebu

dialami Malaysia wajar dianggap sebagai ‘perang ekologi’.

Sementara itu, Dr Wan Azizah yang juga Pengerusi NADMA berkata, Operasi Pembenihan Awan (OPA) di Sri Aman, Sarawak kelmarin ditangguhkan kerana jarak penglihatan terhadap sumber air meragukan.

Selain itu, katanya, OPA juga dilaksanakan di Petaling Jaya, Batu Caves, Rawang, Kuala Selangor, Seri Manjung, Taiping, Seberang Perai, Balik Pulau, Sungai Petani dan Kulim, semalam.

“Ia tertakluk kepada keadaan atmosfera, cuaca dan awan, manakala bomba akan terus melaksanakan operasi pemadaman di lokasi panas berlakunya kebakaran terbuka,” katanya.

Berhubung isu topeng muka, Dr Wan Azizah berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menetapkan harga runcit maksimum untuk barang kawalan bagi lima jenis alat berkenaan.

Katanya, tindakan tegas terhadap mana-mana peniaga akan diambil sekiranya mereka mengambil kesempatan menaikkan harga topeng muka secara tidak munasabah.



Pihak berkuasa Indonesia menjalankan operasi memadam kebakaran hutan di Sumatera.

(Foto EPA)